

# TINGGALKAN WARISAN YANG AKAN MEMBAWA PERUBAHAN





# Panduan Pemberian Warisan

1



## Nyatakan dalam Wasiat anda :

Sila pertimbangkan dahulu sebab-sebab serta orang yang penting kepada anda. Tentukan siapa antara ahli keluarga, rakan-rakan dan organisasi yang anda ingin sertakan dalam wasiat anda. Sumbangan Warisan anda boleh menjadi cara yang berkesan untuk menyokong tujuan yang anda sayangi untuk masa depan mereka.

2



## Kongsikan Niat Anda:

Ianya adalah penting untuk membincangkan keputusan anda dengan orang yang disayangi. Kongsikan hasrat anda dengan mereka secara terbuka dan bincangkan sebab di sebalik pilihan anda. Ini memastikan bahawa niat anda difahami dan dihormati oleh mereka yang paling rapat dengan anda.

3



## Pilih Warisan Anda:

Tentukan jenis warisan yang anda ingin tinggalkan. Anda mempunyai beberapa pilihan, termasuk:

- **Sumbangan berkaitan kewangan:** Nyatakan jumlah tetap wang untuk didermakan kepada organisasi kami
- **Sumbangan berkaitan harta:** Tinggalkan sebahagian atau keseluruhan harta pusaka anda selepas hadiah dan perbelanjaan khusus lain dipenuhi.
- **Peratusan Harta Pusaka:** Tetapkan peratusan harta pusaka anda untuk diberikan kepada Doctors Without Borders.



4



## Dapatkan Nasihat Perundangan:

Jumpa dengan peguam cara untuk menulis atau mengemas kini wasiat anda. Peguam cara boleh memberikan panduan yang tidak ternilai untuk memastikan keinginan anda dizahirkan secara tepat dalam wasiat anda dan tertakluk dari segi undang-undang. Berikut perkara yang perlu anda ketahui untuk menyertakan nama kami dalam sumbangan warisan anda:

**Nama sah:** Medecins Sans Frontieres (HK) Limited

**Alamat:** 22/F, Pacific Plaza, 410 - 418 Des Voeux Road West, West Point, Hong Kong

**Nombor pendaftaran:** 475540

### Contoh ayat berikut mungkin membantu:

"Saya memberi dan mewasiatkan kepada Medecins Sans Frontieres (HK) Limited, 22/F, Pacific Plaza, 410 - 418 Des Voeux Road West, West Point, Hong Kong [sejumlah wang \_\_\_\_\_ RM (\$\_\_\_\_)] [ \_\_\_\_\_ % daripada peninggalan, sisa dan baki harta pusaka saya], untuk digunakan bagi tujuan amal umumnya."

5



## Hubungi Kami:

Jika anda telah membuat keputusan untuk menyertakan nama Doctors Without Borders dalam wasiat anda, sila hubungi kami di [info@apac.msf.org](mailto:info@apac.msf.org). Kami akan berbesar hati untuk berbincang mengenai hasrat anda dengan lebih lanjut dan memberikan sebarang maklumat atau sokongan yang mungkin anda perlukan semasa proses tersebut.

***Hadiah warisan anda mempunyai kuasa untuk menyelamatkan nyawa dan membawa harapan kepada komuniti di seluruh dunia. Terima kasih kerana mempertimbangkan Doctors Without Borders dalam perancangan harta pusaka anda. Bersama-sama, kita boleh melakukan perubahan yang kekal untuk generasi akan datang.***